


Kecurian bakau di Hutan Paya Laut Matang



Lanun bakau mengganas di Bagan Serai

BH. 6/5/2016 ms. 22 + 23

→ JPP temui ribuan kayu bakau ditebang di kawasan Hutan Simpan Sungai Baharu

Oleh Jalal Ali Abdul Rahim dan Kamaruddin Shah
bhnews@bh.com.my

► Bagan Serai

Sebahagian Hutan Simpan (HS) Sungai Baharu, Selinsing di sini, diceroboh pihak tertentu untuk mencuri kayu bakau, dipercayai didalangi tauke tertentu untuk kegunaan projek pembinaan pada harga murah.

Kegiatan itu terbongkar apabila Jabatan Perhutanan Perak (JPP) menyerbu lokasi itu membabitkan dua kawasan sekitar Sungai Makau di alur kecil Sungai Selinsing, manakala dua lagi lokasi berhampiran jeti Kampung Sungai Baru.

Keluasan kawasan kecurian bakau itu sekitar enam hektar yang

mana penguat kuasa JPP menjumpai lebih 1,000 batang kayu jaras bakau (cerucuk) jenis minyak dan kurap serta tunggulnya.

Tauke warga tempatan itu dipercayai mengupah rakyat asing menebang pokok bakau di situ hanya menggunakan kapak dan bukannya gergaji berantai untuk mengelakkan kegiatan itu dikesan orang ramai dan pihak berkuasa.

Kes terbesar

Ini adalah kes pertama dan terbesar membabitkan kegiatan mencuri kayu bakau bagi tujuan komersial di Hutan Paya Laut Matang (HPLM) iaitu untuk dijual sebagai cerucuk bagi projek pembinaan, berbanding kes sebelum ini yang berskala kecil untuk kegunaan sendiri.

Operasi diketuai Pegawai Perhu-



Kronologi

Tindakan penguatkuasaan

1 Januari 2015 → Satu sampan undan dan 70 batang bakau dirampas di HS Pulau Kecil

11 Disember 2015 → Seorang lelaki ditahan, dua tongkang serta 160 batang bakau dirampas di HS Sungai Tinggi

4 Mei 2016 (kes terbaru) → HS Sungai Baharu: 500 kayu bakau disita, ratusan malah mungkin ribuan dipercayai ditebang dan dikeluarkan

tanan Daerah Larut dan Matang, Mohd Hadre Mohamad, turut menjumpai kapak dan perkakas dipercayai digunakan dalam kegiatan itu, menunjukkan pihak yang menebangnya baru melarikan diri apabila menyedari serbuan dilakukan.

Di Sungai Makau, 500 kayu bakau disusun di 'catiam' (tempat longgokan bakau) di tebing alur sungai yang sedia untuk diseludup keluar menggunakan bot atau tongkang pada waktu sesuai, kebiasaannya ketika air pasang besar.

Pihak terbabit juga melakukan penebangan secara 'rakus' kerana menggunakan kaedah 'potong atau tebang padang' iaitu menebang semua atau hampir semua pokok di sesuatu kawasan hingga menjejaskan pertumbuhan semula bakau